

06 JAN 2003

Kerk-Pilihan raya/I

DAP SIAP SEDIA HADAPI PILIHAN RAYA UMUM

KUALA LUMPUR, 6 Jan (Bernama) -- DAP mula membuat persiapan untuk menghadapi pilihan raya umum akan datang dengan mengarahkan jawatankuasa parti peringkat negeri mengemukakan senarai calon bagi kerusi Parlimen dan Dewan Undangan Negeri kepada Jawatankuasa Eksekutif Pusat (CEC) menjelang Mac ini.

Setiausaha agung parti itu, Kerk Kim Hock berkata keputusan itu dibuat pada mesyuarat CEC semalam berikutan kemungkinan pilihan raya umum akan datang berlangsung tahun ini.

Beliau berkata borang-borang yang diperlukan untuk penamaan calon akan dihantar kepada semua cawangan selepas persidangan kebangsaan parti itu Ahad ini.

Kerk berkata walaupun Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menetapkan 31 Okt ini sebagai tarikh persaraannya dan secara logiknya pengganti beliau, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, akan mengetuai perjuangan pada pilihan raya akan datang bagi mendapat mandat perlu untuk diri dan dasar barunya, tidak dapat diketepikan bahawa Dr Mahathir akan mengadakan pilihan raya umum seawal-awalnya Julai ini.

"Kerana Barisan Nasional (BN) yakin bahawa jika beliau (Dr Mahathir) secara peribadi mengetuai perjuangan itu, ia akan meningkatkan peluang untuk BN menang lebih besar," katanya dalam satu kenyataan di sini hari ini.

Kerk berkata: "sama ada pilihan raya akan datang akan diadakan sebelum atau selepas persaraan Perdana Menteri, pilihan raya akan datang adalah sukar, perjuangan paling sukar dalam sejarah DAP."

CEC DAP juga telah memutuskan supaya semula jawatankuasa parti peringkat negeri memulakan persiapan untuk menghadapi pilihan raya umum serta-merta.

Beliau berkata CEC juga mengingatkan pemimpin dan anggota parti itu supaya meletakkan kepentingan parti mengatasi segala-galanya dengan menggunakan sepenuhnya saluran dalam parti untuk menyuarakan sebarang masalah, selain mengelak daripada mencemarkan imej parti menerusi kenyataan-kenyataan media atau ucapan pada majlis umum.

Kerk berkata CEC juga telah mengarahkan jawatankuasa disiplin parti supaya mengambil tindakan tegas terhadap mana-mana pemimpin atau anggota yang melanggar disiplin, serta-merta.

-- BERNAMA

AZH HK LAT